

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/1993

April 1993

SEU316 - Ekonomi Buruh

Masa: (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dua muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Soalan 1 adalah wajib dan jawab mana-mana **TIGA** (3) soalan lain.

1. Tulis nota ringkas mengenai mana-mana dua perkara berikut:
  - (a) Buruh nilai sifar
  - (b) Keluk penawaran buruh yang melengkung ke belakang
  - (c) Teori dana upah
  - (d) Model peruntukan masa Becker.

(25 markah)
  
2. (a) Bincangkan model neo-klasik tentang syer upah dalam pendapatan negara.  

(20 markah)
  
- (b) Pada pendapat anda, adakah model ini sesuai digunakan dalam konteks negara membangun seperti Malaysia.  

(5 markah)

...2/-

3. (a) "Ada empat model pasaran buruh yang berbeza."  
Bincangkan kenyataan ini.  
(20 markah)

(b) Pada pendapat anda, model manakah paling sesuai bagi konteks negara Malaysia.  
(5 markah)

4. (a) Jelaskan perhubungan di antara pembangunan ekonomi dan struktur pekerjaan.  
(18 markah)

(b) Apakah implikasi struktur pekerjaan yang wujud di Malaysia pada masa kini terhadap pembangunan ekonomi?  
(7 markah)

5. (a) Huraikan jenis-jenis diskriminasi yang wujud dalam pasaran buruh.  
(20 markah)

(b) Pada pendapat anda, wujudkah diskriminasi dalam pasaran buruh di Malaysia?  
(5 markah)

6. (a) Apakah penunjuk-penunjuk pembentukan modal manusia?  
(10 markah)

(b) Bincangkan perkara-perkara utama dalam laporan UNDP tentang Indeks Pembangunan Manusia (Human Development Indeks) dengan membuat rujukan khas kepada kes Malaysia.  
(15 markah)